

01 APR 2000

Umno-Pencalonan (Kedah)

DR MAHATHIR, PAK LAH, NAJIB DAPAT PENCALONAN PENUH DARI KEDAH

ALOR SETAR, 1 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendapat pencalonan penuh daripada kesemua 15 bahagian Umno di Kedah.

Kesemua bahagian itu mematuhi nasihat Majlis Tertinggi dengan mencalonkan Dr Mahathir bagi jawatan Presiden dan Abdullah bagi jawatan Timbalan Presiden parti.

Mesyuarat Umno bahagian di negeri ini dimulai oleh bahagian Sik pada 7 Mac dan diakhiri oleh bahagian Sungai Petani hari ini.

Bagi jawatan Naib Presiden, seramai 10 orang dicalonkan.

Penyandang Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak juga mendapat pencalonan daripada 15 bahagian, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman (lapan), Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar (lima) dan penyandang Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhammad Taib (lima).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Rais Yatim, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar masing-masing mendapat tiga pencalonan.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah mendapat dua pencalonan setiap seorang.

Bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, yang tidak menawarkan diri untuk bertanding kali ini, turut dicalonkan oleh sebuah bahagian iaitu Langkawi.

Sanusi merupakan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah, yang terletak di bawah Parlimen Langkawi.

Seramai 76 orang dicalonkan untuk jawatan anggota Majlis Tertinggi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Ali Rustam dan bekas Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar, kesemuanya mendapat pencalonan penuh daripada 15 bahagian.

Penyandang Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah turut dicalonkan oleh kesemua 15 bahagian itu untuk mempertahankan jawatan itu.

Bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap, Wan Hanafiah Wan Mat Saman mendahului dengan 13 pencalonan berbanding dengan Ahmad Din dan Datuk Seri Onn Ismail, masing-masing mendapat satu pencalonan.

-- BERNAMA

JM AKD